



## SIARAN AKHBAR

### **PELAKSANAAN BAB 39 PERINTAH MENDAPATKAN KEMBALI ASET JENAYAH, 2012, MENGENAI LAPORAN PEMINDAHAN MATA WANG FIZIKAL DAN INSTRUMEN PEMBAWA BOLEH NIAGA MELALUI KARGO, KURIR ATAU PERKHIDMATAN POS**

---

1. Perintah Mendapatkan Kembali Aset Jenayah (CARO), 2012, menguatkuasakan langkah-langkah untuk mendapatkan maklumat mengenai pemindahan Mata Wang Fizikal dan Instrumen Pembawa Boleh Niaga (CBNI) yang masuk atau keluar dari Negara Brunei Darussalam. Tujuan langkah-langkah tersebut adalah untuk mengesan, menyiasat dan mendakwa sebarang kesalahan yang melibatkan pembersihan wang haram dan kesalahan-kesalahan yang berkaitan.
2. Di bawah Bab 39 CARO, 2012, mana-mana pihak yang menghantar atau menerima CBNI, berjumlah BND 15,000 atau lebih, atau nilai yang sama dalam mata wang asing melalui kargo, kurir atau perkhidmatan pos, dikehendaki untuk menghadapkan laporan CBNI kepada Autoriti Monetari Brunei Darussalam (AMBD).
3. Pihak yang berkenaan perlu mengisi borang laporan CBNI dengan lengkap dan tepat, dan menghantarnya ke Unit Perisikan Kewangan AMBD, tidak melebihi 5 hari bekerja selepas tarikh penerimaan atau penghantaran CBNI.
4. Kegagalan untuk memberi laporan yang lengkap dan tepat boleh dikenakan denda tidak melebihi BND 50,000, dihukum penjara tidak melebihi 3 tahun, atau kedua-duanya sekali di bawah CARO, 2012.
5. Pelaksanaan laporan pemindahan CBNI melalui kargo, kurir atau perkhidmatan pos akan bermula pada 1 Mei 2018.
6. Borang laporan boleh didapati di syarikat kargo dan kurir, cawangan-cawangan pejabat pos atau di laman sesawang AMBD di <http://www.ambd.gov.bn>.

**Autoriti Monetari Brunei Darussalam**

Ref No: AMBD/COMMS/

Date: 15 Sya'aban 1439/ 1 May 2018

|